

22 APR 2002

MAHATHIR-PELABURAN/I

ADAKAH DR MAHATHIR "PENIAGA" PALING ULUNG MALAYSIA?

PULAU PINANG, 22 April (Bernama) -- Adakah Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad "peniaga" paling ulung di Malaysia?

Jawapannya adalah "ya" yang lain lantang jika cerita sebilangan pelabur asing yang berpuas hati dijadikan bukti.

Misalnya Thomas C Loomis. Beliau ialah presiden SPM (M) Sdn Bhd (SPM Malaysia), anak syarikat berpangkalan di San Diego, SEMX Corporation, sebuah syarikat komponen jalur lebar dan penyelesaian saling berhubungan bagi infrastruktur tanpa wayar, gentian optik dan Internet, yang beroperasi daripada Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas di sini.

Syarikat Loomis memutuskan untuk meluaskan operasinya di Malaysia setelah mendengar Perdana Menteri berucap pada majlis Hari Korporat Malaysia di New York pada 4 Februari lalu.

SPM Malaysia, yang telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada 1999, adalah untuk memindahkan teknologi-teknologi tahap tingginya di dalam Thermal Management Products (TMP) and Packages ke Pulau Pinang dari San Diego di California menjelang akhir tahun ini.

"Orang seperti beliaulah (Dr Mahathir) yang memberi peluang kepada syarikat seperti kami untuk menyertai dengan kebimbangan kegagalan yang kecil," beliau memberitahu perhimpunan pegawai-pegawai kerajaan, sekutu-sekutu dan kakitangan perniagaan pada perasmian kilang baru SPM di sini oleh anggota EX-Co negeri Dr Teng Hock Nan dan pencapaian syarikat mendapat Pengiktirafan QS-9000.

"Saya ingin secara terbuka mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana memperkukuhkan keadaan ini oleh kerana saya menyaksikan banyak peluang di Malaysia untuk mengembangkan perniagaan kami dengan bimbingan dan sokongan kerajaan, di samping perkongsian dengan syarikat-syarikat korporat lain."

Loomis berkata semasa acara di New York, Dr Mahathir telah

rucap mengenai pelbagai perkara yang sah mengenai usaha-usaha di dalam Malaysia untuk mengadakan peluang-peluang perniagaan dan sosial kepada seluruh penduduk dunia.

Beliau memuji kerajaan Malaysia kerana menanamkan keyakinan di kalangan pelabur asing untuk mengekalkan pelaburan mereka di negara ini dengan mengadakan kestabilan sosial dan politik.

"Malaysia adalah tempat yang tepat untuk tinggal dan saya gembira yang SEMX telah membuat pilihan yang tepat untuk meneruskan pelaburannya di negara ini, terutamanya di Pulau Pinang," tegas beliau.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif SEMX, Frank J Polese berkata Polese Company, anak syarikat milik penuh SEMX, akan menempatkan TMP dan teknologi pembungkusan di kilang yang baru dibina SPM Malaysia.

Katanya keputusan untuk memindahkan teknologi TMP dan pakej ke Pulau Pinang adalah disebabkan keyakinan perbadanan itu terhadap keupayaan kerajaan Malaysia dalam mengekalkan kestabilan ekonomi, sosial dan politik.

SPM Malaysia juga akan menjadi landasan bagi pertumbuhan berterusan bagi unit-unit SEMX pada masa hadapan, kata beliau.

Malaysia, kata Polese, juga akan menjadi pusat pemasaran SEMX bagi TMP and Packages untuk rantau Asia.

SPM Malaysia, yang diperbadankan di Malaysia tiga tahun lalu, memulakan operasi di negeri ini daripada bangunan pajakan berukuran 6,000 kaki persegi. Ia mengeluarkan bahan-bahan pembungkusan mikroelektroni, seperti wayer campuran silikon aluminium, aluminium berat dan wayer pateri bagi semikonduktor, industri automotif dan elektronik.

SEMX sejak itu melabur sejumlah RM14 juta di dalam operasinya di negeri ini yang juga bertanggung jawab bagi jualan dan pengedaran produk-produknya. Ia juga menawarkan sokongan teknikal dan logistik kepada semua pelanggannya di rantau Asia. -- BERNAMA

ZU SHY OS